

Lakar sejarah bina tukun tiruan terbesar Jata Negeri Johor

# PIS terima pengiktirafan

Oleh HANIZA HASSAN

pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 12 MEI

**P**OLITEKNIK Ibrahim Sultan (PIS) terus melakar kejayaan apabila berjaya membina sebuah tukun tiruan terbesar berbentuk Jata Negeri Johor.

Lebih manis, binaan tukun sebesar 3.5 meter tinggi, 4.5 meter panjang dan 2.5 meter lebar itu turut mendapat pengiktirafan Malaysia Book Of Records (MBOR).

Pengarah PIS, **Mohd. Hatta Zainal** berkata, tukun tiruan berkenaan berjaya diturunkan di Taman Dasar Laut Sultan Iskandar (TDLSI), Pulau Mensirip, Mersing pada 28 April yang lalu.

"Idea asal pembinaan tukun berkenaan merupakan hasil cetusan idea penuntut serta pensyarah PIS sendiri. Malah ia mendapat perkenan daripada Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

"Pihak PIS amat berbangga dan berasa sungguh gembira bukan sahaja kerana hasil usaha ini berjaya dicatatkan di dalam MBOR, tetapi juga disaksikan sendiri oleh Tuanku Sultan Johor sebagai monumen berbentuk jata negeri yang terbesar diletakkan di dasar laut," katanya.

Pada 28 April lalu, Sultan Ibrahim mencemar duli menyelam sedalam kira-kira 10 meter ke dasar laut Pulau Mensirip untuk melengkapkan komponen terakhir tukun berbentuk Jata Negeri



**SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR** (kanan) meletakkan replika mahkota di Jata Negeri Johor sebagai tanda perasmian Taman Laut Sultan Iskandar di Pulau Mensirip, Mersing, baru-baru ini.

Johor tersebut sebagai gimik perasmian TDLSI.

Beliau berkata, projek pembinaan tukun tiruan itu adalah sebagai salah satu sumbangan politeknik kepada pembangunan ekonomi Johor iaitu ia turut melibatkan kerjasama politeknik Malaysia dengan beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Sementara itu, Pengarah Projek TDLSI, **Hamzah Zakaria** berkata,

pembinaan TDLSI itu akan menarik kunjungan pelancong ke perairan Mersing terutama mereka yang menggemari aktiviti menyelam.

"Pertambahan pelancongan terutama penyelam secara tidak langsung akan meningkat aktiviti perniagaan di kawasan sekitar termasuk perniagaan pengangkutan air, calet dan juga barang cenderamata," katanya.